

BAB VIII

ANALISIS DAN KESIMPULAN

“Malaysia and Singapore are devoid of ideologies..Singapore is also pragmatic in its approach to problems. Singapore can also be accomodating. In all these things there are similarities with Malaysia.. Malaysia is pragmatic and accomodating. Malaysia and Singapore can therefore be close friends, partners in trade and possibly allies in peace and war”. -Dr. Mahathir Mohamad¹

8.1 Persoalan Pokok.

Kajian ini cuba menjawab enam persoalan pokok iaitu seperti berikut:

- i. Kepimpinan Dr. Mahathir Mohamad di dalam dan luar negeri 1981-1995.
- ii. Apakah tema-tema utama dasar luar Malaysia era Dr. Mahathir Mohamad
- iii. Bagaimanakah faktor personaliti atau gaya kepimpinan Dr. Mahathir mewarnai cara-cara menyelesaikan masalah dan menangani isu-isu dalam hubungan dua negara 1981-1995.
- iv. Bagaimanakah faktor sejarah mempengaruhi pengurusan hubungan dua hala kedua negara.
- v. Apakah isu-isu utama dalam hubungan Malaysia-Singapura dalam tempoh tersebut.
- vi. Apakah kesan dasar luar atau pendekatan Malaysia era Dr. Mahathir dalam menguruskan hubungan Malaysia-Singapura kepada negara ini pada keseluruhannya.

¹ Mahathir Mohamad, *The Malay Dilemma*, (Singapore: Times Book International, 1995),m.s. 183.

8.2 Penemuan Analisis

Di bawah ini diterangkan dengan terperinci enam penemuan hasil daripada analisis yang dilakukan untuk menjawab enam persoalan pokok di atas.

8.2.1 *Kepimpinan Dr. Mahathir.*

Dr. Mahathir ialah seorang pemimpin yang mempunyai matlamat dan keyakinan bahawa Malaysia akan berjaya dan dihormati dalam masyarakat negara-negara di dunia. Oleh itu menjadi hasrat beliau untuk melihat negara ini duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan negara-negara maju di dunia. Pada pandangan beliau, Malaysia boleh mencapai cita-cita tersebut jika rakyat negara ini berusaha bersungguh-sungguh dalam apa sahaja kerja dan profesion yang dipilih.

Dr. Mahathir berkeyakinan bahawa kepimpinan sesebuah negara yang menentukan samada negara tersebut berjaya atau sebaliknya. Beliau benar-benar pernah berhujah bahawa, satu ciri pemimpin yang terpenting ialah ia mesti mempunyai idea yang bertaraf lebih tinggi daripada orang biasa. Idea yang lebih tinggi itu tentulah terdiri dari dasar-dasar seperti, Dasar Industri Berat, Persyarikatan Malaysia, Penswastaan, Dasar Pandang ke Timur, Wawasan 2020 dan pembentukan Koridor Raya Multimedia. Kesemua dasar-dasar dan idea itu dianggap oleh Dr. Mahathir lebih tinggi dari pemikiran orang-orang biasa kerana dasar-dasar dan idea sedemikian mampu membawa Malaysia mencapai taraf negara maju pada masa hadapan. Pada asasnya perindustrian berat dan teknologi maklumat, kerjasama sektor industri dan kerajaan serta perubahan sikap kaum Melayu adalah perkara-perkara pokok yang perlu dilakukan untuk meningkatkan taraf Malaysia dalam masyarakat dunia.

Berdasarkan hakikat untuk mencapai matlamat itulah beliau telah cuba merubah nilai-nilai kaum Melayu khasnya dan masyarakat Malaysia pada amnya. Kepada kaum

Melayu, beliau menekankan supaya mereka janganlah terlalu bergantung kepada kerajaan untuk berjaya khasnya dalam kegiatan ekonomi.

Sebagai Perdana Menteri Malaysia, beliau telah banyak berubah berbanding dengan masa lalu dan beliau kini tidak lagi mempunyai imej “*ultra*” Melayu yang pernah dilabelkan kepada beliau pada peringkat awal penglibatannya dalam perjuangan politik negara. Sifat liberal beliau dalam banyak perkara terserah dengan jelas apabila Wawasan 2020, yang menjadi asas perjuangan beliau kini bermatlamat untuk melahirkan Bangsa Malaysia yang kompetitif pada tahun 2020.²

Pada masa yang sama di pentas dunia Dr. Mahathir telah diterima oleh banyak pihak sebagai seorang pemimpin ulung dan dapat dianggap jurucakap Dunia Ketiga. Kelantangan beliau dalam menimbulkan isu-isu yang dihadapi oleh Negara-Negara Selatan telah diiktiraf oleh banyak pihak, malah banyak negara sangat berminat untuk belajar dari kejayaan Malaysia.³ Semuanya ini telah menambahkan lagi keyakinan Dr. Mahathir untuk terus memimpin Malaysia dalam perjalanan memasuki abad kedua puluh satu.

Namun kejayaan beliau tidaklah datang dengan senang. Dalam usaha beliau untuk melaksanakan apa yang beliau rasakan terbaik untuk Malaysia negara telah menyaksikan krisis kepimpinan yang serius pada tahun 1987 yang membawa kepada matinya UMNO yang asal dan digantikan dengan UMNO Baru. Masyarakat Malaysia rata-rata telah menjadi begitu materialistik sekali dan kebendaan telah menguasai pemikiran masyarakat kelas pertengahan terutamanya. Penyakit itu jelas tergambar apabila dalam dekad terakhir

² Analisis yang kritikal serta pujian terhadap Wawasan 2020 dapat dilihat dalam William Greider, *One World, Ready Or Not- The Manic Logic of Global Capitalism*, (New York: Simon and Schuster, 1997), rms. 81-102.

³ *Utusan Malaysia*, 2 Julai 1996.

ini telah merebaknya fenomena politik wang⁴ dikalangan pendokong tulang belakang Barisan Nasional iaitu UMNO.

Di pentas dunia, walaupun Malaysia adalah pejuang Dunia Ketiga yang lantang dalam usahanya menyuarakan hak-hak dan kepentingan mereka tetapi kesannya adalah minimal. Ini kerana reliti politik dunia adalah amat sukar untuk diubah oleh Malaysia. Kepentingan nasional negara-negara kuasa besarlah yang banyak menentukan ke arah mana mereka bergerak. Pendek kata percaturan politik dunia walaupun bukan lagi “bipolar” atau “unipolar” namun, lima kuasa besar dunia tetap menguasai Bangsa-Bangsa Bersatu dan menggariskan agenda politik antarabangsa.

8.2.2 Tema-Tema Utama Dasar Luar Malaysia

Setelah dianalisis didapati tema-tema utama dasar luar Malaysia ialah berasaskan senarai keutamaan yang telah ditetapkan oleh Dr. Mahathir iaitu negara-negara ASEAN⁵ diikuti oleh negara-negara Islam, seterusnya negara-negara Berkecuali dan akhir sekali negara-negara Komanwel. Empat tema utama dasar luar ini bertujuan untuk mencapai matlamat utama atau “core values” negara.

Namun satu aspek keutamaan lagi yang sering dilupakan ialah penekanan yang diberikan oleh Dr. Mahathir terhadap hubungan bilateral dengan sesebuah negara. Dr.

⁴ Lihat analisis E. T. Gomez dan Jomo K. S. yang antara lain menyatakan “.. during the 1993 UMNO General Assembly, the resurgence of money politics in UMNO was clearly acknowledged and denounced.. an analyst contended that never has money been spent on such a scale before in an UMNO election” di petik dari Edmund Terence Gomez, Jomo K. S., *Malaysia’s Political Economy-Politics, Patronage and Profits*, (Cambridge: Cambridge University Press, 1997), m.s. 128.

⁵ Johan Saravanamuttu menyatakan “ASEAN remain the primary instrumentality of Malaysia’s regional diplomacy and regional security... In spite of the centrality of ASEAN as the focus and instrumentality for Malaysia’s most crucial foreign policies, the Mahathir period has also seen the surfacing of middle power aspirant on the part of Malaysia. This factor has tended to pull Malaysia away rather than towards ASEAN” Lihat Johan Saravanamuttu, “ASEAN in Malaysian Foreign Policy Discourse and Practice, 1967-1997” dalam, *Asian Journal of Political Science-Special Issue on ASEAN*, Volume 5, Number 1 (June 1997).

Mahathir memasukkan keutamaan terhadap hubungan bilateral itu sebagai satu “penyelamat” di mana bagi negara-negara yang tidak termasuk dalam empat senarai keutamaan ada kalanya juga diberikan perhatian yang sama berdasarkan keadaan dan keperluan Malaysia pada waktu-waktu yang tertentu.

Dalam hubungan ini jelas dua rakan perdagangan terpenting Malaysia iaitu Amerika Syarikat dan Jepun tidak termasuk dalam senarai keutamaan dalam dasar luar negara. Namun tidak ada pihak yang dapat menafikan bahawa kedua-dua negara maju tersebut amat penting kepada Malaysia terutamanya dari segi sebagai sumber pelaburan dan sebagai pasaran untuk eksport Malaysia. Data bagi tujuh bulan pertama tahun 1997 menunjukkan Jepun merupakan rakan dagangan yang utama bagi Malaysia dengan perdagangan dua hala bernilai RM 41.9 billion. Eksport Malaysia ke Jepun berjumlah RM 15.5 billion, manakala import dari Jepun pula berjumlah RM 26.4 billion. Amerika Syarikat merupakan rakan dagangan yang kedua terpenting untuk tempoh yang sama dengan nilai dagangan sebanyak RM 39.9 billion. Daripada jumlah itu didapati eksport Malaysia ke Amerika Syarikat bernilai RM 20.1 billion, manakala import Malaysia dari Amerika Syarikat benilai RM 19.8 billion.⁶

ASEAN sangat penting bagi Malaysia sebagai organisasi serantau yang mana dapat mempertahankan kedudukan negara-negara anggota daripada ancaman blok sosialis. Walaupun kerjasama ekonomi kurang berjaya berbanding dengan kerjasama politik namun, institusi ASEAN itu telah dapat mengurangkan konfrantasi terbuka di antara negara anggota . Ini disebabkan amalan yang menjadi teras ASEAN ialah mencapai sesuatu keputusan hendaklah berasaskan cara ASEAN iaitu secara konsensus. Dengan itu ASEAN dapat menjamin pencapaian “*core values*” dasar luar negara.

⁶ Laporan Ekonomi 1997/98,(Kuala Lumpur: Kementerian Kewangan Malaysia, 1997), m.s. 151-152.

Analisis juga menunjukkan pemilihan negara-negara anggota Organisasi Persidangan Islam-OIC sebagai keutamaan kedua ada kaitan dengan pendirian Dr. Mahathir bahawa, Islam adalah satu faktor penting dalam politik Malaysia. Kebangkitan Islam dan kepentingan politik dalam negeri memaksa kepimpinan beliau memberikan perhatian yang sewajarnya terhadap tuntutan umat Islam dan hubungan yang erat dengan negara-negara umat Islam. Agenda Islam oleh kerajaan memberi imej positif dan dengan itu sokongan yang berterusan daripada rakyat dapat dikekalkan.

Seterusnya kepentingan Pergerakan Berkecuali terus diberi keutamaan kerana melalui forum antarabangsa yang dianggotai oleh 102 negara itu maka Malaysia dapat menyuarakan pendirian negara terhadap isu-isu penting dunia pada setiap sidang kemuncaknya.

Akhir sekali walaupun Negara-Negara Komanwel berada dihiraki yang terkebawah dalam senarai keutamaan, namun sejak kebelakangan ini Malaysia telah menunjukkan komitmen yang lebih terhadap pertubuhan tersebut. Walaupun Malaysia menunjukkan sikap yang negatif terhadap pertubuhan tersebut segala-gala berubah setelah Malaysia menjadi tuan rumah di persidangan Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel-CHOGM, pada tahun 1989.

Perubahan pendirian Dr. Mahathir terhadap CHOGM agak drastik apabila beliau mengutuk organisasi tersebut dan menolak jemputan untuk menghadiri persidangan CHOGM di Australia pada tahun 1981. Walau bagaimanapun pada tahun 1987, Dr. Mahathir menawarkan untuk menjadi tuan rumah kepada persidangan tersebut pada tahun 1989. Perubahan pendirian yang digambarkan oleh peristiwa tersebut adalah salah satu ciri utama dasar luar era Dr. Mahathir. Dalam erti kata yang lain dalam sesetengah isu didapati dasar yang diikuti tidak konsisten dan telah menimbulkan kesusahan kepada birokrat yang sepatutnya boleh dielak jika dirancang dari awal dan dilaksanakan dengan lebih teratur.

Walau bagaimanapun ia agak sukar di atasi disebabkan dalam sistem politik Malaysia, pembuatan keputusan yang diamalkan secara meluas adalah berasaskan pendekatan “*top down*”. Oleh itu para birokrat terpaksa melaksanakan setiap dasar yang telah diputuskan tanpa banyak soal dan bantahan.

Satu contoh, usaha Malaysia di bawah pimpinan Dr. Mahathir untuk mencapai objektif status, ialah perjuangan Malaysia untuk menjadikan benua Antartika sebagai hak warisan bersama manusia. Langkah tersebut adalah merupakan satu tindakan dasar luar yang tidak dirancang dengan teliti terlebih dahulu maka tidak hairanlah ia menemui kegagalan. Namun kebaikannya ialah status atau nama Malaysia sekurang-kurangnya menjadi perhatian dunia dan boleh dianggap mendapat publisiti secara meluas buat beberapa ketika.

8.2.3 *Gaya Kepimpinan Dr. Mahathir dan Hubungan Malaysia -Singapura*

Hubungan Malaysia-Singapura telah bertambah baik disebabkan terutamanya oleh faktor gaya kepimpinan Dr. Mahathir di dalam dan di luar negara. Sebagai seorang pemimpin yang sangat berminat tentang hal ehwal antarabangsa, beliau merupakan Perdana Menteri Malaysia yang paling banyak melawat keluar negara dengan tujuan memperkenalkan serta memperjuangkan hak-hak dan kepentingan Malaysia. Beliau telah mencorakkan peranan Malaysia dalam dunia antarabangsa sebagai jurucakap negara-negara mundur yang menuntut keadilan dalam hubungan negara-negara kurang dan sedang membangun di Selatan dengan negara-negara maju di Utara. Perjuangan yang sedemikian rupa pada masa yang sama bertujuan untuk mendapatkan faedah semaksimum mungkin terutamanya, dalam mendapatkan pasaran kepada barang dan perkhidmatan negara serta menarik pelaburan asing ke negara ini.

Dalam hubungan dengan Singapura, ada lima faktor utama yang menyebabkan kepimpinan Dr. Mahathir mengambil sikap yang lebih “*mild*” berbanding dengan apa yang

ditunjukkan oleh beliau di pentas dunia. Pertamanya kewujudan ASEAN itu sendiri menyebabkan masalah bilateral di antara negara anggota telah dapat diminimumkan. Ini selaras dengan pendekatan ASEAN yang amat mementingkan konsensus dalam menghadapi apa sahaja masalah. Sikap beliau yang berhati-hati, lembut dan terbuka itu selaras dengan dasar beliau yang dari awal telah menetapkan bahawa negara-negara ASEAN diberi prioriti utama dalam hubungan luar negeri.

Kedua ialah, hasrat Dr. Mahathir sendiri yang ingin menerajui kepimpinan serantau di peringkat ASEAN. Oleh itu dalam usaha untuk menjadi pemimpin kepada Negara ASEAN maka segala tindak tanduk Malaysia terutamanya terhadap jiran yang lebih kecil perlulah berhati-hati. Dalam lain perkataan Malaysia tidak boleh dilihat sebagai terlibat dalam konflik yang terbuka dengan Singapura.

Ketiga ialah keupayaan pertahanan terutamanya dari segi pemilikan senjata canggih, Malaysia adalah ketinggalan berbanding dengan Singapura. Dalam hubungan ini data tahun 1994 menunjukkan jumlah pemilikan pesawat tempur “*combat aircraft*” Singapura mengatasi Malaysia. Pada tahun itu Singapura memiliki sebanyak seratus lima puluh lima pesawat tempur berbanding dengan Malaysia yang cuma mempunyai sembilan puluh dua buah pesawat tempur.⁷ Dari segi pemilikan kereta kebal, Malaysia hanya mempunyai sebanyak dua puluh lima buah sahaja manakala Singapura memiliki sebanyak tiga ratus lima puluh buah kereta kebal pada tahun 1995.⁸ Data itu sudah cukup jelas sebagai bukti bahawa Singapura mempunyai alat kelengkapan yang lebih yang mana sukar diatasi oleh Malaysia. Jika Malaysia mengambil tindakan yang lebih agresif yang mana ia boleh menimbulkan konflik terbuka atau perang maka risiko yang dihadapi oleh Malaysia adalah tinggi.

⁷ Donald K. Emerson, “Indonesia, Malaysia, Singapore: A Regional Security Core?”, dalam Richard J. Ellings and Sheldon W. Simon, (Ed), *Southeast Asian Security In The New Millennium*, (New York: M. E. Sharpe, Inc., 1996), m.s. 59.

⁸ Lihat David Martin Jones, *Political Development in Pacific Asia*, (Cambridge: Polity Press, 1997), m.s. 194.

Faktor yang keempat ialah, Dr. Mahathir telah membuat pengakuan yang terbuka di mana bagi beliau, Singapura adalah contoh yang perlu menjadi ikutan Malaysia dalam banyak hal termasuklah pembangunan ekonomi. Kata-kata asal Dr. Mahathir berbunyi "*Singapore's success story in the economic and social fields cannot but be a model for Malaysia.*"⁹ Oleh itu jika itulah harapan kepimpinan Dr. Mahathir maka langkah agresif yang keras terhadap Singapura adalah tidak sesuai setelah pujian yangikhlas telah diungkapkan. Tambahan pula mengikut pengkaji "*The PAP in Singapore and UMNO in Malaysia have systematically intimidated dissenters and limited the independence of the judiciary..*"¹⁰ Petikan di atas adalah bukti yang jelas di mana Malaysia di era kepimpinan Dr. Mahathir telah menjadikan Singapura sebagai model.

Seterusnya faktor yang kelima pula, sebagai seorang yang memang mahukan Singapura berada di luar Malaysia dari awal, maka beliau dikira gembira dan amat selesa dengan kedudukan Singapura sebagai sebuah negara yang berdaulat berbanding dengan Perdana Menteri Malaysia yang terdahulu. Dalam hubungan ini jika Malaysia boleh bersahabat baik dengan Republik Rakyat China dan Vietnam mengapa tidak dengan Singapura yang merupakan di antara jiran yang terdekat.

Faktor keenam ialah dalam hubungan dengan Singapura yang dianggap oleh Dr. Mahathir sebagai *city-state*, maka Dr. Mahathir tidak mengalami apa yang dikatakan masalah ego. Pandangan ini berasaskan kenyataan beliau seperti berikut:

*"We come from a small country. When we visit the bigger countries they would not bother with us but when we visit countries smaller than ours we will be well received and treated like Kings".*¹¹

⁹ Lihat Ucapan Dr. Mahathir Mohamad semasa melawat Singapura pada 17 dan 18 Disember 1981. Teks ucapan itu di terbitkan dalam, *Koleksi Ucapan Dr. Mahathir*, (Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan Malaysia, 1992), m.s. 24.

¹⁰ Dipetik dari David Martin Jones, *Political Development in Pacific Asia*, op.cit. m.s. 51.

¹¹ Marina Yusoff, *Time For Change* (Kuala Lumpur: The Champ Sdn. Bhd. 1990) m.s. 97

Walaupun kenyataan ini dibuat dalam reaksi kepada persoalan mengapa Dr. Mahathir suka memberi bantuan kepada negara-negara kecil yang miskin lagi mundur seperti Mauritius, Maldives dan Fiji sedangkan ramai rakyat Malaysia yang masih lagi miskin. Sikap itu boleh menggambarkan sikap keegoan Dr. Mahathir yang sebenarnya iaitu mengorbankan kepentingan bangsa dan negara asalkan kehendak egonya dipenuhi.¹²

Faktor terakhir ialah masa dan keadaan. Ini kerana semasa Dr. Mahathir mengambil alih kepimpinan negara, Singapura telah mencapai tahap kemajuan yang jauh meninggalkan Malaysia. Oleh itu sebagai seorang pemimpin yang bercita-cita besar untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang maju dan dihormati maka tindakan dalam hubungan bilateral yang boleh menimbulkan ketegangan dengan Singapura perlu dielakkan.

8.2.4 *Kesan Faktor Sejarah Ke atas Pengurusan Hubungan Malaysia-Singapura*

Dr. Mahathir Mohamad seorang pemimpin yang pragmatik maka dalam segala tindakannya, beliau pasti mementingkan untung rugi dalam banyak perkara termasuk soal pengurusan isu-isu dalam hubungan Malaysia-Singapura. Kebetulannya semasa beliau mengetuai kerajaan Malaysia, Lee Kuan Yew yang mempunyai banyak persamaan dari segi pandangan dan nilai terhadap pendekatan pembinaan negara dan pembangunan ekonomi serta apa itu kejayaan juga masih memerintah Singapura. Oleh itu tidaklah menjadi satu kehairanan jika kedua-dua pemimpin itu dapat menangani masalah bersama dengan cara terbuka dan tidak berdasarkan perasaan yang melulu . Maka dalam tempoh 1981-1995 hubungan dua hala adalah memuaskan.

¹² *Ibid.*, m.s. 96-97.

Melihatkan kejayaan Singapura dalam banyak perkara tentunya beliau tidak langsung terpengaruh dengan perasaan sentimental sejarah¹³ lalu, yang mana Singapura pernah menjadi sebahagian daripada Malaysia. Ini kerana beliau memang semenjak dari awal tidak menyetujui kemasukan Singapura ke dalam Malaysia pada tahun 1963. Kekerasan dalam tindak tanduk Malaysia tentu akan menghasilkan ketegangan di antara kedua negara dan mengakibatkan perkembangan ekonomi Malaysia akan terjejas. Ini disebabkan sebagai sebuah negara perdagangan maka eksport dan import Malaysia masih banyak lagi dikendalikan melalui pelabuhan Singapura.

Sejarah hubungan Malaysia -Singapura penuh dengan konflik yang merugikan, di mana banyak tenaga dan pemikiran serta sumber-sumber terpaksa dihabiskan dan semuanya itu sia-sia sahaja. Apa yang telah berlaku semuanya itu adalah bertujuan untuk memuaskan perasaan dan cita-cita peribadi tokoh-tokoh politik pada masa itu. Daripada sejarah yang lalu nampaknya pelajaran yang diterima oleh Dr. Mahathir ialah bahawa untuk tempoh kepimpinan beliau pendekatan pragmatik adalah yang terbaik. Dalam hubungan ini beliau telah menangani isu-isu yang berbangkit¹⁴ sebaik-baiknya demi mencapai faedah khasnya dari segi politik dan keselamatan daripada hubungan dua hala di antara kedua negara.

8.2.5 Isu-isu Utama Dalam Hubungan Malaysia-Singapura

Penulis telah mengenalpasti dan menganalisis sebanyak enam belas isu utama dalam hubungan Malaysia-Singapura sepanjang tempoh kajian. Isu-isu tersebut dikategorikan

¹³ Analisis ini berdasarkan pegangan hidup Dr. Mahathir yang pernah dinyatakan olehnya seperti: “...my approach to politics and life in general focuses on the present and future rather than the past..” Lihat Mahathir Mohamad, Shintaro Ishihara, *The Voice of Asia-Two Leaders Discuss the Coming Century*,(Tokyo:Kodansha International Ltd, 1995), m.s. 16

¹⁴ Salah satu isu terbaru yang timbul ialah kesesakan di Tambak Johor pada bulan September dan Oktober 1997. Ekoran dari peristiwa tersebut dilaporkan “Singapore companies have warned they may pull out of Johore, unless traffic hold-ups on the causeway are eased.” Lihat *Business Times* 27 Oktober 1997. Dalam perkembangan tersebut Malaysia tidak mengambil apa-apa tindak balas yang keras seperti Singapura yang sanggup mengeluarkan ancaman yang sedemikian. Itulah sekali lagi kelembutan Malaysia.

sebagai isu politik, ekonomi, pertahanan dan sosial. Isu politik yang dikenalpasti sebanyak tujuh perkara ialah lawatan ketua kerajaan di antara kedua negara, hubungan UMNO-PAP, persamaan nilai-nilai di antara Dr. Mahathir- Lee Kuan Yew, dasar ekonomi Malaysia lebih liberal, isu bangsa Melayu dan tuntutan bertindih ke atas Pulau Batu Putih.

Dari segi politik, jelas sekali bahawa ada peningkatan dalam kekerapan pertemuan diantara Dr. Mahathir -Lee Kuan Yew berbanding dengan pemimpin Malaysia yang terdahulu. Apa yang lebih penting kedua-dua tokoh tersebut telah dapat berbincang secara yang lebih terbuka mengenai isu-isu yang penting dalam hubungan di antara kedua negara. Keterbukaan itu timbul hasil dari adanya persamaan beberapa nilai-nilai utama khasnya apa yang dikatakan nilai-nilai Asia, di antara kedua-dua pemimpin tersebut. Persamaan kedua pemimpin juga dapat dikesan dalam aspek pendekatan pembinaan negara di mana Lee Kuan Yew berpegang kepada usaha untuk membentuk "*Singaporean Singapore*"¹⁵ setelah gagal dalam perjuangan untuk mewujudkan "*Malaysian Malaysia*" di era Tunku Abdul Rahman, manakala Dr. Mahathir juga ingin merealisasikan "*Malaysian Malaysia ala Dr. Mahathir*".

Hasil kajian menunjukkan, sebahagian besar isu-isu tersebut telah dapat diatasi dalam tempoh kajian. Dalam usaha menyelesaikan pertikaian di antara kedua pihak didapati Dr. Mahathir telah membuat kesimpulan bahawa jika dua negara iaitu Malaysia dan Singapura, tidak berpuas hati terhadap sesuatu isu umpamanya rundingan bekalan air dari Malaysia ke Singapura, maka itu adalah jalan penyelesaian yang terbaik. Ini disebabkan jika hanya satu pihak sahaja yang berpuas hati sepenuhnya maka tentunya pihak yang satu lagi tidak akan berpuas hati. Alasan Dr. Mahathir untuk menerima sesuatu keputusan walaupun ia tidak sepenuhnya memuaskan hati kerajaan Malaysia seperti di atas.

¹⁵ Istilah ini dipinjam daripada Raj Vasil. Lihat Raj Vasil, *Asianising Singapore-The PAP's Management of Ethnicity*, (Singapore: Heinemann Asia, 1995), m.s. 17.

Dengan lain perkataan berasaskan huraian di atas, tidak salah kalau dikatakan, Malaysia pada hakikatnya mengambil pendekatan berlembut.

Seterusnya tiga isu ekonomi utama dikenalpasti dan dianalisis ialah kerjasama Segitiga Singapura, Johor dan Riau (Sijori), kerjasama pelaburan di negara ketiga dan saling bergantung di antara kedua negara dari segi ekonomi. Dr. Mahathir terlalu mementingkan kemajuan dan pertumbuhan ekonomi maka, beliau melihat Singapura sebagai salah satu “*variable*” yang terpenting yang menentukan kejayaan Malaysia. Oleh itu beliau cuba menjaga hubungan kedua negara supaya dengan itu kelancaran aktifiti ekonomi dan pembangunan negara tidak terbantut.

Dalam melihat pengurusan Dr. Mahathir terhadap hubungan Malaysia-Singapura, penulis membahagikan kepada dua peringkat iaitu peringkat kerajaan dengan kerajaan dan peringkat bawah atau dikalangan pemimpin UMNO tempatan di Johor atau rakyat pada amnya. Hakikatnya Singapura adalah sumber modal, pasaran dan jalan keluar masuk hasil eksport dan import negara. Lantaran sikap pragmatik Dr. Mahathir, maka walau apa isu yang berbangkit pada tahap kerajaan dengan kerajaan, Malaysia cuba bersikap ‘lembut’.

Pada peringkat kerajaan dengan kerajaan terdapat beberapa faktor yang membuatkan Malaysia bersikap “*mild*” dengan Singapura. Yang pertama ialah kekerasan dalam mengurus hubungan dua hala dijangka akan menggugat kelancaran aktiviti ekonomi dan perdagangan yang akhirnya boleh mengugat kestabilan politik negara. Ketidakstabilan politik menjadikan iklim pelaburan di Malaysia tidak menarik kepada pelabur-pelabur asing maka pertumbuhan ekonomi juga akan merosot. Akibat yang terakhir daripada perkara di atas ialah kepimpinan Dr.Mahathir juga akan pincang dan mudah terdedah kepada cabaran dari dalam parti.

Sikap “*mild*” yang ditunjukkan oleh kepimpinan Dr. Mahathir dalam menguruskan isu-isu politik, ekonomi dan sosial yang timbul dalam konteks hubungan Malaysia-Singapura

boleh dianggap sebagai sikap mengalah Malaysia. Mengalah yang diambil oleh Malaysia atau kepimpinan Melayu bukan suatu sikap yang baru atau menghairankan. Sebagai pengurus hubungan kaum yang paling berjaya dalam sejarah Malaysia, Dr. Mahathir sebagai seorang individu, telah melalui satu evolusi sikap yang dulunya sangat tebal nasionalismenya kini telah bertukar menjadi sangat liberal terhadap tuntutan ekonomi, politik dan kebudayaan orang-orang Cina Malaysia. Dr. Mahathir telah berjaya mewujudkan keadaan hubungan kaum yang lebih harmoni dari tahun 1981-1995, berdasarkan sikap "mild" beliau terhadap kaum Cina. Lantaran itu terbentuklah gagasan untuk melahirkan Bangsa Malaysia yang menjadi teras kepada pembentukan "*Malaysian Malaysia ala Dr. Mahathir*". Sikap mengalah dalam negeri itu telah dilanjutkan oleh Dr. Mahathir dalam mengurus isu-isu ekonomi, politik dan sosial yang timbul dalam hubungan dua hala antara Malaysia-Singapura 1981-1995. Ini kerana, perkara pokok dalam perbincangan mengenai cara-cara Dr. Mahathir menangani hubungan Malaysia-Singapura tidak dapat lari daripada pemerhatian dan analisis terhadap evolusi sikap Dr. Mahathir terhadap kaum Cina pada umumnya.

Sebaliknya sikap "mild" Singapura tidak begitu jelas. Ini kerana banyak tindak-tanduk negara tetangga itu lebih berupa provokasi atau cuba mengukur sejauh mana darjah kesabaran kepimpinan Malaysia dalam aspek politik, ekonomi dan sosial. Peristiwa penghinaan Lee Kuan Yew ke atas Johor telah berakhir dengan permintaan maaf oleh Menteri Kanan Republik Singapura.¹⁶ Inilah satu contoh di mana walaupun ada unsur "mild" tetapi ia tidak begitu jelas kerana pada masa yang sama Singapura juga seolah-olah memaksa Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Malaysia mengambil pendekatan berlembut, dengan datang ke Singapura untuk meminta maaf di atas kutukan pergerakan itu ke atas keterlanjuran Lee Kuan Yew.

¹⁶ Dalam krisis kali ini Dr. Mahathir dianggap telah mencapai kemenangan. Lihat *Asiaweek* 26 Disember 1997 -2 Januari 1998 yang menyatakan "...he (Dr. Mahathir) had even emerged from a tiff with Singapore Senior Minister Lee Kuan Yew over the condition in Johore as the greater statesman."

Yang kedua, Dr. Mahathir memegang kuasa pada usia yang agak lanjut iaitu ketika berumur 55 tahun. Oleh itu beliau tidak mempunyai masa yang lama untuk membuat reformasi ke atas masyarakat Malaysia bagi tujuan membentuk negara Malaysia menjadi sebuah negara maju yang dihormati oleh masyarakat dunia. Dalam hubungan ini kata Dr. Mahathir "*I am in a hurry. I have always been in a hurry. I have always worked fast, I have always work hard. I don't think I should waste time*".¹⁷ Malaysia tidak mampu untuk berkeras atau bertegang leher dalam menangani isu-isu yang timbul dengan Singapura. Ini kerana perbuatan yang sedemikian dijangka boleh menimbulkan konflik dan dengan itu mengganggu kelancaran pelaksanaan perancangan Dr. Mahathir untuk memajukan kaum Melayu dan bangsa dan negara Malaysia keseluruhannya.

Faktor yang ketiga ialah sebagai pemimpin Malaysia, beliau seolah-olah boleh memilih apa-apa pendekatan yang beliau fikir sesuai kerana di Malaysia, rakyat umumnya tidak memberikan perhatian yang serius terhadap isu-isu dasar luar. Dengan lain perkatan beliau tidak menghadapi banyak halangan kerana ahli-ahli Parlimen parti yang memerintah serta pihak pembangkang juga tidak mempunyai cukup pengetahuan serta tidak berminat terhadap isu-isu hubungan antarabangsa khasnya dasar luar negara. Oleh kerana kekurangan tersebut maka rakyat pada umumnya dan wakil-wakil rakyat tidak berkemampuan untuk mengkritik dan mengupas dasar luar Dr. Mahathir. Lantaran itu arah tuju dasar luar Malaysia pada amnya dikemudikan oleh Dr. Mahathir tanpa banyak gangguan.

Pada peringkat bawah didapati Pergerakan Pemuda UMNO, rakyat Johor dan juga Ahli Parlimen tempatan kerap mengambil tindakan yang keras apabila sesuatu isu yang panas berbangkit dalam hubungan Malaysia- Singapura. Dalam lain perkataan terdapat dua pendekatan yang berbeza dalam hubungan dua hala Malaysia-Singapura dalam era Dr. Mahathir.

¹⁷ Dr. Mahathir Mohamad, dalam *Time*, 9 December 1996, m.s.28.

Pada masa yang sama, pendekatan yang diambil oleh Dr. Mahathir untuk mengurangkan ketergantungan kepada Singapura malah menyainginya dibuat dengan secara ‘lembut’ iaitu seperti membina infrastruktur-infrastruktur yang penting seperti *West Port* di Pulau Indah, Selangor, untuk pengangkutan laut, Lapangan Terbang Antarabangsa (*KLIA*) di Sepang bagi pengangkutan udara, Lebuh Raya Utara Selatan bagi pengangkutan darat dari Bukit Kayu Hitam di Kedah ke Johor Bahru di Johor, serta Koridor Raya Multi Media (MSC) di antara Kuala Lumpur dan Sepang bagi industri teknologi maklumat serta Pusat Kewangan Pesisir Pantai (*IOFC*) di Labuan bagi memperluaskan pasaran kewangan di Malaysia.

Jika dianalisis secara mendalam, semua projek-projek yang tersebut di atas adalah cabaran atau tindakbalas satu persatu Dr. Mahathir terhadap bidang-bidang yang memang di kuasai oleh Singapura semenjak beberapa dekad yang lalu. Kecekapan sektor-sektor ekonomi yang dibantu oleh infratruktur sedemikianlah yang menyebabkan Singapura telah menikmati kemakmuran yang berterusan sehingga hari ini. Dalam hubungan ini dapatlah dikatakan bagi beliau, Malaysia tidak perlu berkeras atau menunjukkan sikap “*Big Brother*” dengan Singapura dan Dr. Mahathir pernah menyindir dengan sinis bahawa Singapura bukanlah sebuah negara dalam erti kata yang sebenarnya, malah negara itu hanyalah “*city-state*” yang boleh diuruskan dengan senang sahaja. Cuma apa yang perlu bagi Malaysia ialah bekerja keras untuk kejayaan dalam mencapai kemajuan ekonomi. Dalam lain perkataan pada pandangan Dr. Mahathir apabila kejayaan ekonomi dan kemajuan negara yang sebenarnya dicapai pada suatu hari nanti, Malaysia pasti akan dihormati oleh Singapura tanpa perlu kita menyuruh negara itu menghormati negara ini. Kecenderungan untuk seolah-olah memaksa Singapura menghormati Malaysia merupakan pendekatan pemimpin Malaysia sebelum ini.

Itulah kelainan yang dapat dilihat daripada kepimpinan Dr.Mahathir, berbanding dengan pemimpin-pemimpin Malaysia yang lalu iaitu perbezaan pendekatan untuk mendapat

kehormatan dari negara-negara lain. Kehormatan yang dituntut oleh Dr. Mahathir bukanlah terhad kepada Singapura malah, wawasannya ialah supaya Malaysia dihormati oleh dunia kerana kejayaannya sebagai sebuah negara maju dari segi ekonomi dan liberal dalam pengurusan sosial, budaya serta hubungan antara kaum.

Sementara itu, isu-isu pertahanan yang dipilih dan dianalisis ialah dikategorikan seperti pertamanya ialah dasar pertahanan, pencerobohan tentera Singapura ke wilayah Malaysia, kerjasama pertahanan bilateral dan kerjasama pertahanan pelbagai hala. Sekali lagi Dr. Mahathir yang pada asasnya tidak begitu mementingkan aspek atau komponen ketenteraan daripada keselamatan negara Malaysia. Bagi beliau keselamatan ialah kekuatan atau “*resilience*” setiap rakyat Malaysia itu sendiri. Dalam hubungan inilah beliau telah mengambil langkah untuk mengurangkan peruntukan untuk pertahanan negara pada peringkat awal kepimpinan beliau. Berdasarkan kepercayaan itulah beliau menangani isu-isu pertahanan dengan Singapura dengan cara yang kelihatan ‘lembut’.

Walaupun seolah-olah Singapura yang mengamalkan “*Total Defence*” nampak agresif dalam merperlengkap aspek ketenteraan dalam isu keselamatan negara itu, namun falsafah “*comprehensive security*” Malaysia nampaknya lebih mementingkan peningkatan tahap hidup rakyat untuk meningkatkan “*resilience*” sekaligus memperkuatkan benteng pertahanan negara dari segala ancaman samada dari dalam atau luar.

Isu terakhir yang dikenalpasti dan dianalisis ialah berkaitan dengan aspek sosial iaitu masalah pekerja Malaysia dan isu bekalan air Malaysia ke Singapura. Ternyata dalam tempoh kajian didapati Singapura sebagai sebuah negara merdeka telah melaksanakan dasar dalam negeri yang mempunyai implikasi kepada Malaysia. Namun setelah kerajaan Malaysia tidak bersetuju maka peraturan tersebut ditarik balik. Tindakan Singapura memperkenalkan dasar yang mempunyai implikasi ke atas hubungan dua hala Malaysia-Singapura, tanpa sekurang-kurangnya memaklumkan Kuala Lumpur terlebih dahulu

membuktikan sikap kepimpinan Singapura yang menganggap kepimpinan Malaysia adalah “mild” dalam reaksinya terhadap Singapura.

Berkaitan bekalan air Malaysia ke Singapura, ianya kerap diungkit-ungkit oleh kumpulan-kumpulan atau individu-individu tertentu bila memprotes tindakan Singapura yang dianggap merugikan atau menyinggung perasaan rakyat Malaysia. Umpamanya semasa isu lawatan Presiden Israel ke Singapura terdapat sebahagian rakyat khasnya pendokong UMNO, yang mencadangkan supaya bekalan air tersebut dipotong. Tidak kurang juga yang menganggap perjanjian bekalan air dengan Singapura pada tahun 1962 yang menetapkan penjualan air dengan harga 3 sen seribu gelen dan pembelian balik air bersih dari Singapura ialah dengan harga ⁵⁰ 25 sen seribu gelen, adalah tidak adil dan merugikan Johor.

8.2.6 Kesan Gaya Kepimpinan Dr. Mahathir dalam Pengurusan Hubungan Malaysia-Singapura.

Jelaslah dasar luar Malaysia era Dr. Mahathir adalah bertujuan untuk mengekalkan kepentingan nasional Malaysia. Di peringkat dunia antarabangsa khasnya dalam menghadapi negara-negara maju Malaysia adalah lantang dan agresif namun dalam hubungan dengan jiran terdekat didapati Dr. Mahathir menggunakan pendekatan yang berbeza. Perbedaan itu ditandai oleh dasar yang selalu diungkapkannya iaitu “*prosper-thy-neighbour*”. Ekoran dari pendekatan itu, maka Dr. Mahathir banyak berlembut dalam menangani isu-isu politik, ekonomi dan sosial yang timbul dalam hubungan Malaysia-Singapura sepanjang tempoh kajian. Kelembutan itu adalah strategi pengurusan yang beliau pilih khas untuk menguruskan hubungan Malaysia-Singapura . Strategi ini dipilih kerana Dr. Mahathir berpegang kepada falsafah yang beranggapan jika Malaysia mempunyai jiran yang makmur maka Malaysia juga akan mendapat faedah dari kemakmuran tersebut.

Tidaklah salah pendekatan tersebut kerana Dr. Mahathir pernah menyatakan "*management is extremely important. You can buy technology. You can raise capital. But if you don't know how to manage... you are not going to succeed*"¹⁸ dan gaya pengurusan yang berbeza dipraktikkan oleh beliau dalam menguruskan dasar luar pada dua tahap iaitu tahap global dan tahap bilateral dengan Singapura juga bertujuan untuk kejayaan Malaysia. Sehingga ini pendekatan beliau amat berjaya seperti yang dapat dilihat dan dirasai, oleh sebahagian besar rakyat Malaysia, bahawa negara ini telah dan sedang mengalami kemajuan ekonomi yang pesat malah menjadi contoh sebuah negara membangun yang berjaya.

Walau bagaimanapun, Malaysia juga terpaksa membayar harga yang tinggi untuk mencapai kejayaan yang telah dicapai setakat ini. Kebendaan telah merasuk fikiran segenap lapisan masyarakat dan masalah sosial masyarakat khasnya golongan belia bakal pewaris negara ini kian meluas. Kemajuan ekonomi telah dicapai tetapi masalah yang dihadapi oleh Malaysia juga kian rumit dan kompleks.

Dasar luar dan kebijakan menguruskan hubungan dengan Singapura telah sedikit sebanyak menyumbangkan kepada kemajuan Malaysia pada masa ini. Sejauhmana ianya dapat memberikan faedah dalam ertikata yang sebenar itu perlu dibuat satu kajian yang lain. Ini kerana kesan sampingan juga boleh dirasai dengan kenaikan harga barang keperluan dan tempat penginapan terutamanya di Johor Baru. Namun untuk menangkis kritikan terhadap beliau Dr. Mahathir menyatakan: "*No decision is perfect and there will be people who will say that is too much or too little but we have to make a decision some time*"¹⁹. Keputusan Dr. Mahathir semenjak tahun 1981 sehingga 1995 untuk mengambil pendekatan yang berbeza dalam menguruskan perlaksanaan dasar luar

¹⁸ Dr. Mahathir Mohamad dalam *Malaysian Business*, 1-15 March 1991, m.s. 23

¹⁹ Dr. Mahathir Mohamad, dalam *Malaysian Business*, op.cit. m.s. 24.

diperingkat global dan sikap yang lebih “*mild*” dengan Singapura, telah menyumbangkan ke arah peningkatan hubungan dengan Singapura berbanding dengan tahap yang sebelum tahun 1981. Pada masa yang sama politik Dr. Mahathir adalah mantap dan sukar digugat, manakala keselamatan negara pula tetap terkawal. Itulah kesan daripada keputusan dalam pengurusan hubungan dua negara di era kepimpinan Dr. Mahathir.

8.3 Kesimpulan.

Dr. Mahathir terbukti seorang pemimpin pragmatik yang tinggi daya intelektualnya. Daripada kajian ini didapati Dr. Mahathir telah menggunakan sepenuhnya daya fikir beliau untuk melakukan reformasi terhadap budaya politik kaum Melayu dan rakyat Malaysia pada keseluruhannya. Untuk itu dasar luar, khasnya cara-cara mengurus isu-isu antarabangsa yang menjadi tumpuan kajian ini juga tidak terkecuali daripada reformasi menyeluruh yang cuba dilakukan oleh Dr. Mahathir. Sebagai seorang intelektual beliau bebas memilih golongan, bangsa atau negara mana yang ingin dijadikan rakan atau sekutu dalam perjuangan politiknya.

Di peringkat antarabangsa, Dr. Mahathir memilih negara-negara Islam dan negara-negara Dunia Ketiga yang lain sebagai sekutu utama beliau. Di peringkat serantau Dr. Mahathir memilih Negara-negara anggota ASEAN sebagai sekutu ekonomi, politik dan keselamatan. Di dalam negeri, orang-orang bukan bumiputera, golongan usahawan serta korperat adalah sekutu Dr. Mahathir yang sentiasa ditatang bagai minyak yang penuh. Lantaran itu wujudlah slogan Bangsa Malaysia yang sangat dikagumi oleh orang-orang bukan Melayu di Malaysia.

Begitulah rentetan pragmatisme Dr. Mahathir dalam melalui liku-liku untuk mengekalkan kuasa semenjak enam belas tahun yang lalu. Pragmatisme yang disemai telah meningkatkan nilai yang mengagungkan budaya materialis, juga secara perlahan-lahan

mengakis nilai-nilai perjuangan idealis yang menjadi panduan golongan nasionalis tulen orang-orang Melayu di Malaysia pada masa yang lampau. Perhitungan pragmatik telah mendasari cara-cara Dr. Mahathir mengurus isu-isu politik, ekonomi, pertahanan dan sosial yang timbul dalam hubungan dua hala Malaysia-Singapura. Akibatnya kelembutan adalah pilihan Dr. Mahathir. Sifat mengalah yang sedemikian merugikan Malaysia jika dipandang dari sudut kepentingan kebangsaan Melayu. Walau bagaimanapun kerugian itu terus diterima kerana di Malaysia tradisi mengkritik kepimpinan tidak menjadi satu budaya yang dihargai. Oleh itu akibatnya seperti kata Dr. Mahathir:

*"Critics are absolutely necessary for those playing a leading role in society. Without criticisms they would not know when they are wrong, they may not even know what is going on around them."*²⁰

Namun dari segi keuntungan material yang menjadi prioriti kepimpinan Dr. Mahathir, kelembutan tersebut amat menguntungkan pertumbuhan ekonomi Malaysia. Memakmurkan jiran, jika ditafsirkan tentulah termasuk Republik Singapura dalam konteks serantau, adalah perjuangan Dr. Mahathir yang sering diungkapkan sejak akhir-akhir ini. Jika di dalam negeri Dr. Mahathir terpaksa menggunakan kekuatan ekonomi orang-orang Cina untuk survival politiknya maka dalam konteks yang lebih luas beliau juga terpaksa menggunakan Singapura dengan caranya yang tersendiri untuk tujuan membantu Malaysia mencapai ketangkasan ekonomi ke tahap yang lebih membanggakan. Tegasnya Dr. Mahathir melihat dari menguruskan isu-isu yang timbul berdasarkan kepercayaan beliau terhadap simbiosis dalam hubungan Malaysia-Singapura. Jika Dr. Mahathir mahukan keharmonian sebagai matlamat utama dalam pengurusan hubungan antara kaum di Malaysia berdasarkan prinsip *multiculturalism*, maka pengurusan hubungan antara Malaysia - Singapura era Dr. Mahathir adalah berdasarkan fahaman simbiosis, "*prosper- your-neighbour*" yang semuanya menuntut kepimpinan Dr. Mahathir berlembut, "*mild*" dalam

²⁰ Dr. Mahathir Mohamad dalam, Marina Mahathir, *In Liberal Doses*, (Singapore:Archipelago Press and The Star Publications (Malaysia) Bhd., 1997),m.s. 11.

segala tindak tanduknya. Kesemua tindakan-tindakan beliau yang ditinjau dalam kajian ini dapat disimpulkan oleh kenyataan Dr. Mahathir pada 8 Februari 1994 yang berbunyi:

“As a politician myself I have vested interests. I am doing this thing also for my own good. Kalau saya tak succeed orang tak pilih saya lagi.”²¹

²¹ Dipetik dari Sesi Dialog Dengan Perdana Menteri Malaysia, Dr. Mahathir Mohamad, dalam *Wawasan 2020 Dan Perkhidmatan Awam Malaysia*, (Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara, 1994) m.s. 136.